



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KOLABORASI STRATEGIK YKN – TNB MEMBERI MANFAAT KEPADA GOLONGAN SASAR

KOTA BHARU, 19 FEBRUARI: YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan bersama-sama YBhg Dato' Abdul Razak Abdul Majid, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan YBhg Dato' Dr. Zaini Hussin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan.

Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II telah mula dibina pada Mac 2023 dan mendapat tajaan sepenuhnya daripada syarikat korporat Tenaga Nasional Berhad iaitu Rakan Strategik Yayasan Kebajikan Negara (YKN). TNB melalui program *Corporate Social Responsibility* (CSR) mereka telah menaja dengan nilai berjumlah **RM1.5 juta** bagi kerja naiktaraf bangunan, kelengkapan perabot, kemudahan fasiliti dan kos selenggara selama 5 tahun.

Anjung Kasih YKN merupakan tempat penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya keluarga atau waris pesakit yang tidak berkemampuan menyewa bilik hotel namun berkeperluan untuk mengiringi dan menjaga pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan. Perkhidmatan Anjung Kasih ini dibina dengan konsep selesa, selamat dan berkualiti demi memastikan kebajikan golongan sasaran ini terjamin. Sejak penubuhan Anjung Kasih YKN yang pertama dan operasi pada 2007 seramai **96,338** orang telah mendapat manfaat daripada 18 buah Anjung Kasih yang telah beroperasi di seluruh negara.

Sejak tahun 2018, TNB telah menyumbang dan berkolaborasi dengan YKN dalam pelbagai program serta aktiviti. TNB telah menaja tiga (3) buah Better Brighter Anjung Kasih YKN iaitu di Hospital Serdang, Hospital Melaka dan yang terkini di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu Kelantan.

Selain penajaan penubuhan Anjung Kasih YKN, TNB juga turut bersama-sama menyumbang dan menyokong program penjanaan dana dan penyediaan bantuan bakul makanan kepada kumpulan sasar termasuk sumbangan mesin dialisis kepada pusat rawatan YKN Dialisis melalui Pelitawanis. Sumbangan CSR daripada TNB berjumlah **RM6.5 juta** memberi manfaat kepada pelbagai kumpulan sasar kementerian dalam usaha membantu mereka yang memerlukan.

YKN mengalu-alukan sumbangan dan program kolaborasi bersama-sama pihak korporat, *Non-Government Organization* (NGO) serta orang perseorangan bagi memperluaskan perkhidmatan Anjung Kasih YKN di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara. Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank atas nama **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA** seperti berikut ;

ALLIANCE ISLAMIC BANK

160140010004801

MAYBANK ISLAMIC BANK BERHAD

568621012284

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
19 FEBRUARI 2024**